



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# TICKET TO VICTORY

# SEJARAH

## KERTAS 2

“  
**INISIATIF  
GURU SEJARAH  
NEG. PERAK**  
”

“  
**MENEPATI DSKP  
DAN FORMAT  
KSSM SPM 2021**  
”

“  
**ITEM  
STRUKTUR,  
ESEI + KBAT**  
”

# Modul CEMERLANG



Bahan Sejarah SPM



<https://www.facebook.com/anjungilmugurperak>

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

**We Deliver**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

## PENDAHULUAN

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama guru-guru cemerlang telah menghasilkan *Ticket to Victory* yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini hasil sumbangan tenaga guru - guru Sejarah negeri Perak mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi mata pelajaran Sejarah, Geografi dan Pendidikan Moral berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2021. *Ticket to Victory* disediakan dalam format dokumen mudah alih (*pdf*) dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan kerja rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina item soalan mengikut format SPM. Justeru itu, di harap penggunaan *Ticket to Victory* dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “*We Deliver*”.

Sektor Pembelajaran,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tawas Baru Utara,  
Tasek Damai,  
30010, Ipoh,

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK  
**We Deliver**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

## BICARA PENGARAH JPN PERAK



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam sejahtera.* Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul *Ticket to Victory* ini berjaya dihasilkan. Modul ini dihasilkan oleh Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif Pejabat Pendidikan Daerah, Guru Cemerlang dan Jurulatih Utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi. Perubahan format peperiksaan SPM tahun 2021 dan pembelajaran secara maya khususnya bagi calon-calon SPM merupakan cabaran yang perlu dilalui dengan strategi yang dirancang dengan teliti oleh JPN, PPD dan sekolah. Pembinaan modul ini diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM melaksanakan latihan tubi berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti. Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

  
DR. MOHD SUHAIMI BIN MOHAMED ALI, PCM  
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

## BICARA TIMBALAN PENGARAH JPN PERAK



***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.***

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul *Ticket to Victory* ini dapat direalisasikan. Modul ini melibatkan mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Geografi. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bidang Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan. Penghasilan Modul *Ticket to Victory* ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan - soalan telah disusun berdasarkan format pentaksiran yang telah dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.

PUAN HAJAH RAHMAH BINTI MOHAMED, AMP  
Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

# PENGHARGAAN



**Dr Mohd Suhaimi bin Mohamed Ali, PCM**  
Pengarah Pendidikan Negeri Perak



**Hajah Rahimah binti Mohamed, AMP**  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pembelajaran



**Tn. Hj. Ahmad Lutfi Bin Abu Bakar, PPT**  
Ketua Penolong Pengarah Kanan Sains Sosial



**En. Ahmad Tarmizi Bin Zainal Abidin**  
Penolong Pengarah Sains Sosial



**En. Megat Muhammad Azhan Bin Megat Rafie**  
Penolong Pengarah Sains Sosial



**Pn. Kamariah Binti Zain'nul Abidin**  
Penolong Pengarah Sains Sosial



**En. Mohd Dzulkifly Bin Musanif**  
Penolong Pengarah Sains Sosial

## JK Teknikal & Kawalan Mutu



**Pn. Juliana Binti Ali**  
Pegawai SISC+ PPD Kinta Utara  
Ketua JK Teknikal & Kawalan Mutu



**En. Mohd Azlizan Bin Omar**  
SMK Yuk Kwan



**En. Syaharawi Bin Ishak**  
SMK Tronoh



**En. Muhamad Sallih Bin Asrani**  
SMK Seri Keledang



**En. S. Sivanandam A/L Subramaniam**  
SMK Methodist (ACS) Ipoh  
Ketua Panel Kertas 2

## Panel Pembina Soalan



**En. Mohd Azrul Bin Mohd Zamal Abidin**  
SMK Tambun



**En. Hasri Bin Sahabudin**  
SMA Izzudin Shah



**En. Padli Bin Abdul Rahman**  
SMK Dato Sagor



**En. Che Sulaiman Bin Yaacob**  
SMK Raja Chulan



**En. Ran Chuan Anak Eh Tik**  
SMK Seri Keledang



**Cik. Nor Azimah Binti Ariffin**  
SMK Hamid Khan



**Pn. Mariam Binti Umar**  
SMJK San Min



**Pn. Surayah Binti Ismail**  
SMK Seri Kampar



**Pn. Hayati Binti Mohamed**  
SMK Dato' Abdul Rahman Yaakob



**Pn. Nor Farida Binti Johari**  
SMK Kg. Dato' Ahmad Said



**En. Mohamad Azhar Bin Radizuan**  
SMK Lambor Kiri



**En. Wan Yunus Bin Wan Isa**  
SMK Raja Muda Musa



**En. Faridzul Helmi Bin Muniran**  
SMK Ulu Bernam



**En. Mohd Syahrel Bin Ismail**  
SMK St. Anthony



**Pn. Ayuniza Furzani Binti Saari**  
SMK Hutan Melintang



**Pn. Norlyzan Binti Ismail**  
SMK Slim



**Pn. Nur Syahirah Binti Mohd Sulehan**  
SMK Rungkup



**Pn. Suriani Binti Mohd Idris**  
SMK Kampar



**Cik. Nor Syarafina Binti Mohd Nor**  
SMK Raja Chulan



**Pn. Mashitah Binti Sulaiman**  
SABK Maahad Al-Ummah

# ISI KANDUNGAN

## TINGKATAN 5

<b>BAB 01</b>	<b>KEDAULATAN NEGARA</b>			<b>BAB 06</b>	<b>CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA</b>		
	1.1 Kedaulatan Negara		<b>MS</b> 7		6.1 Cabaran Dalam Malaysia		<b>MS</b> 39
	1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat		10		6.2 Pemisahan Singapura		42
	1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan		11		6.3 Menangani Ancaman Komunis		40
					6.4 Isu Pembangunan Dan Ekonomi		41
					6.5 Tragedi Hubungan Antara Kaum		43
<b>BAB 02</b>	<b>PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN</b>			<b>BAB 07</b>	<b>MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA</b>		
	2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan		12		7.1 Perpaduan Dan Integrasi Nasional		44
	2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan		13		7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan		46
	2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan		14		7.3 Bah. Melayu Sebagai Bahasa Ilmu & Bahasa Perpaduan		50
	2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 Dan 1965		17		7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan		51
					7.5 Sukan Sebagai Alat Perpaduan		48
					7.6 Rukun Negara Sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara		52
<b>BAB 03</b>	<b>RAJA BERPERLEMBAGAAN &amp; DEMOKRASI BERPARLIMEN</b>			<b>BAB 08</b>	<b>MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA</b>		
	3.2 Sejarah Dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja		18		8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru		55
	3.3 Yang Di-Pertuan Agong Dan Raja Dalam Perlembagaan		21		8.3 Pembentukan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)		53
	3.4 Amalan Demokrasi Dan Pengasingan Kuasa		22		8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)		54
					8.5 Pencapaian Dasar Ekonomi Baru (DEB) Dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)		56
<b>BAB 04</b>	<b>SISTEM PERSEKUTUAN</b>			<b>BAB 09</b>	<b>DASAR LUAR MALAYSIA</b>		
	4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan Di Negara Kita		25		9.1 Latar Belakang Dasar Luar		64
	4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri		26		9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar		59
	4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan & Kerajaan Negeri		27		9.3 Malaysia Dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu		65
	4.4 Faktor Yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan		30		9.4 Malaysia Dalam Komanwel		61
					9.5 Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar		66
					9.6 Malaysia Dalam Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)		63
<b>BAB 05</b>	<b>PEMBENTUKAN MALAYSIA</b>			<b>BAB 10</b>	<b>KECEMERLANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA</b>		
	5.1 Konsep Gagasan Malaysia		31		10.1 Malaysia Dan Isu Global Kontemporari		67
	5.2 Perkembangan Idea & Usaha Pembentukan Malaysia		31		10.2 Peranan Malaysia Dalam Hubungan Ekonomi Antarabangsa		67
	5.3 Reaksi Tempatan Dan Negara Jiran Terhadap Pembentukan Malaysia		37		10.3 Penglibatan Rakyat Dalam Isu Kemanusiaan Dan Keamanan		68
	5.4 Langkah Pembentukan Malaysia		33		10.4 Usaha Mengekalkan Kelestarian Global		69
	5.5 Perjanjian Julai 1963 Dan Peristiwa Pengisytiharan		35		10.5 Wawasan Malaysia Menuju Masa Hadapan		72
	5.6 Konfrontasi Dan Usaha Menanganinya		38				



## BAB 1: KEDAULATAN NEGARA

### BAHAGIAN A (STRUKTUR)

#### 1.1 Konsep Kedaulatan

1

MUKA SURAT  
4 - 11

Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Dalam konteks Malaysia, kedaulatan memainkan peranan yang amat penting sehingga meletakkan negara amat dihormati oleh negara luar.

(a) Jelaskan maksud kedaulatan.

---

---

---

[2 markah]

(b) Nyatakan 2 bahasa yang memberikan takrif kedaulatan.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

(c) Senaraikan 3 tokoh yang memberikan tafsiran mereka tentang kedaulatan yang sesuai dengan zamannya.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

(d) Mengapakah kedaulatan negara perlu dipertahankan oleh setiap lapisan masyarakat? **KBAT**

---

---

---

---

---

[3 markah]



### 1.1 Konsep Kedaulatan

2 Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Kedaulatan ini wujud sejak tamadun awal manusia.

MUKA SURAT  
4 - 8

(a) Jelaskan maksud kedaulatan.

---

---

[1 markah]

(b) Nyatakan 3 jenis kedaulatan yang berkaitan dengan sesebuah negara.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

(c) Bagaimanakah kewujudan kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara bangsa?

---

---

---

[2 markah]

(d) Bezakan sistem pemerintahan beraja pada Zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di Malaysia pada masa ini. **KBAT**

---

---

---

---

---

[4 markah]







### 1.1 Konsep Kedaulatan

3 Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara. Antaranya ialah Kedaulatan Undang-undang.

MUKA SURAT  
7, 55 -  
159

(a) Apakah Kedaulatan Undang-undang?

---

---

---

[2 markah]

(b) Berikut adalah prinsip Rukun Negara yang keempat.

Kedaulatan Undang-undang

Jelaskan maksud prinsip Rukun Negara tersebut. **KBAT**

---

---

---

[2 markah]

(c) Sistem mahkamah diwujudkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk melaksanakan tugas kehakiman.

Jelaskan peranan badan kehakiman.

---

---

---

[2 markah]

(d) Badan kehakiman dan mahkamah berperanan mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian hidup masyarakat.

Bagaimanakah peranan tersebut dapat dilaksanakan? **KBAT**

---

---

---

---

[4 markah]





## BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA

### BAHAGIAN B (ESEI)

#### 1.1 Konsep kedaulatan

1 Kedaulatan berbeza mengikut bentuk pemerintahan yang diamalkan oleh sesebuah negara.

MUKA SURAT  
4 - 5

Setiap negara mempunyai hak untuk menentukan bentuk dan jenis kedaulatan yang diamalkannya. Terdapat beberapa jenis kedaulatan seperti kedaulatan tradisional, kedaulatan moden, kedaulatan undang-undang dan kedaulatan antarabangsa.

- (a) Berikan takrifan bagi kedaulatan tradisional. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah kedaulatan undang-undang boleh menjamin keamanan negara kita? [8 markah]
- (c) Generasi muda pada hari ini berperanan penting dalam mempertahankan kedaulatan negara kita. Bincangkan. *KBAT* [8 markah]

#### 1.3 Kepentingan Mewujudkan Negara Berdaulat

2 Konsep kedaulatan dan keselamatan saling berkait satu sama lain. Kedaulatan sesebuah negara akan meruap apabila keselamatan negara terganggu.

MUKA SURAT  
10 - 11

- (a) Jelaskan kepentingan mewujudkan negara yang berdaulat. [6 markah]
- (b) Rasionalkan kepentingan kedaulatan dalam menentukan bentuk sistem pentadbiran pada masa kini. *KBAT* [6 markah]
- (c) Pelbagai iktibar boleh diperoleh daripada kedaulatan negara yang telah kita kecapai pada masa kini. Jelaskan. *KBAT* [8 markah]



## 1.4 Langkah Mempertahankan Kedaulatan

3 Pemerintah dan rakyat memainkan peranan penting bagi mempertahankan kedaulatan negara.

MUKA SURAT  
12 - 15

Kerjasama antara pemerintah dan rakyat ini penting bagi memastikan kedaulatan dapat dipertahankan demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

(a) Jelaskan peranan pemerintah dan rakyat dalam mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran negara.

[8 markah]

(b) Sebagai rakyat yang mempunyai perasaan cinta yang mendalam terhadap negara, apakah peranan anda untuk mengekalkan perpaduan antara kaum? **KBAT**

[6 markah]

(c) Kedaulatan negara bergantung pada rakyatnya yang bersatu padu. Beri hujah anda. **KBAT**

[6 markah]



## BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN A (STRUKTUR)

#### 2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

1. Petikan berikut merujuk maksud perlembagaan.

MUKA SURAT  
22

Perlembagaan Persekutuan merupakan dokumen undang-undang bertulis yang menjadi teras pada sistem pemerintahan negara. Perlembagaan digubal berasaskan undang-undang negeri Melayu yang sedia ada dan juga tambahan unsur baharu.

*Sumber : Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 5,  
Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2020) ms.20*

(a) Terangkan latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan.

---

---

---

[3 markah]

(b) Jelaskan tentang undang-undang Negeri Melayu.

---

---

---

[3 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah kesan jika sesebuah negara tidak mempunyai perlembagaan yang sistematik? **KBAT**

---

---

---

---

[4 markah]

## 2.2 Sejarah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan

2 Gambar menunjukkan bangunan parlimen Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur.

MUKA SURAT  
25 - 27



Bangunan parlimen Malaysia merupakan simbol demokrasi berparlimen

*Sumber: Buku Teks KBSM Tingkatan 5, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (2014)ms.162*

(a) Nyatakan peranan yang dimainkan oleh Parlimen di Malaysia.

---

---

---

[2 markah]

(b) Terangkan perkara yang menjadi terma rujukan utama dalam Perjanjian Persekutuan 1957.

---

---

---

---

[4 markah]

(c) Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan.

Sejauh manakah perlembagaan negara ini perlu dipertahankan? **KBAT**

---

---

---


---

[4 markah]

### 2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

3. Rajah berikut menunjukkan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.

MUKA SURAT  
28 - 29



(a) Nyatakan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Jelaskan kedudukan orang Melayu dan bumiputera dalam Perlembagaan Persekutuan.

---

---

---

[2 markah]



(c) Peruntukan perlembagaan berkaitan dengan agama Islam merupakan salah satu ciri tradisional. Berikan ulasan anda.

---

---

---

[2 markah]

(d) Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka, Bahasa Melayu digunakan dalam sistem pemerintahan. Kini, Bahasa Melayu menjadi Bahasa rasmi negara kita. Sebagai pelajar, bagaimanakah anda mengamalkan slogan “Cintailah Bahasa Kebangsaan Kita”? ***KBAT***

---

---

---

---

[3 markah]





## BAB 2: PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN B (ESEI)

### 2.1 Latar Belakang Sejarah Perlembagaan Persekutuan

1. Jadual berikut menunjukkan undang-undang Inggeris yang diperkenalkan di Sabah, Sarawak dan Negeri-negeri Selat.

MUKA SURAT  
23 - 27

Sabah	<i>Sabah Application of Laws Ordinance 1951</i>
Sarawak	<i>The Sarawak Application of Laws Ordinance 1949</i>
Pulau Pinang, Melaka, Singapura	<i>Chartered of Justice 1807</i>

- (a) Berdasarkan jadual di atas, jelaskan undang-undang tersebut.

[6 markah]

- (b) Sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan bermula pada tahun 1877 hingga tahun 1957. Berikan penjelasan anda.

[8 markah]

- (c) Perlembagaan Persekutuan menjadi kunci utama kejayaan negara mengekalkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi.

Buktikan pernyataan tersebut. **KBAT**

[6 markah]





### 2.3 Ciri Utama Perlembagaan Persekutuan

2 Perlembagaan Persekutuan mempunyai ciri tradisional dan moden yang dapat menjadikan negara kita stabil dan maju.

MUKA SURAT  
28 - 29

(a) Terangkan ciri tradisional Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

[6 markah]

(b) Kewarganegaraan Persekutuan telah diperkenalkan pada tahun 1948 dan pilihan raya umum telah diadakan pada tahun 1955.

Jelaskan ciri-ciri moden yang terdapat dalam pernyataan tersebut.

[6 markah]

(c) Penerapan ciri tradisional dan moden dalam Perlembagaan Persekutuan menjadikan perlembagaan negara kita unik dan mantap.

Buktikan pernyataan tersebut. **KBAT**

[8 markah]

### 2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

3 Perlembagaan merupakan peraturan tertinggi dan panduan dalam sistem pemerintahan negara.

MUKA SURAT  
27 - 30

(a) Jelaskan perkara yang menjadi terma rujukan dalam penggubalan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

[4 markah]

(b) Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 dipinda apabila Malaysia dibentuk pada tahun 1963. Huraikan perkara utama dalam pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963.

[8 markah]

(c) Pada pendapat anda, apakah tujuan pindaan di buat pada Perlembagaan Persekutuan?

Jelaskan kesan sekiranya pindaan tersebut tidak dilaksanakan. **KBAT**

[8 markah]

**BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN**


**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

**3.4 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan**

1. Rajah di bawah menunjukkan struktur pentadbiran Persekutuan yang mengamalkan pengasingan

MUKA SURAT  
52 - 55

kuasa dalam sistem pemerintahan



(a) Namakan badan berikut:

X : \_\_\_\_\_

Y : \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Jelaskan fungsi Parlimen sebagai sebahagian daripada badan perundangan di peringkat Persekutuan.

---



---



---



---



---

[4 markah]



(c) Sejauhmanakah konsep pengasingan kuasa dapat mengukuhkan sistem pentadbiran di negara kita? *KBAT*

---

---

---


---

---

[ 4 markah ]



## 3.4 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan



Gambar : Parlimen Malaysia

- 2 Gambar diatas merujuk kepada Parlimen yang merupakan badan perundangan tertinggi di Malaysia.

MUKA SURAT  
53 - 57

- a) Nyatakan komponen yang membentuk Parlimen.

- i. \_\_\_\_\_  
ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

- b) Bagaimanakah Ahli-Ahli Yang Berhormat memainkan peranan dalam sistem pemerintahan di negara kita?

---

---

---

---

---

[4 markah]

- c) Mengapakah sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita perlu dipertahankan? **KBAT**

---

---

---

---

---

[4 markah]

3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja



Gambar : Persidangan Durbar pertama di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1897  
(Sumber : Arkib Negara Malaysia)

MUKA SURAT  
42 - 44

3 Durbar membawa maksud perjumpaan atau persidangan umum yang diadakan oleh Raja Melayu dengan British.

a) Siapakah yang menganggotai Majlis Durbar 1897?

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_

[2 markah]

b) Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar, merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.

Jelaskan perbezaan antara Majlis Sultan-Sultan semasa Malayan Union dengan semasa Persekutuan Tanah Melayu 1948.

---



---



---



---

[4 markah]

c) Majlis Raja-Raja merupakan institusi beraja di Malaysia. Jelaskan fungsi Majlis Raja-Raja berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. **KBAT**

---



---



---



---

[4 markah]

### BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN DAN DEMOKRASI BERPARLIMEN BAHAGIAN B (ESEI)

#### 3.3 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam dalam Perlembagaan Persekutuan



‘Raja Berperlembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara apabila Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan dan peranan institusi beraja. Institusi beraja ini terdiri daripada institusi Majlis Raja-Raja, institusi beraja di negeri-negeri dan institusi YDPA pada peringkat Persekutuan’.

*(Buku teks Sejarah Tingkatan 5 halaman 46)*

- 1 Jawatan Yang di-Pertuan Agong diwujudkan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957.

MUKA SURAT  
46 - 49

- (a) Jelaskan tentang institusi Yang di-Pertuan Agong seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan 1957.

[4 markah]

- (b) Terangkan peranan Yang di-Pertuan Agong daripada segi kuasa perundangan.

[6 markah]

- (c) Raja Berperlembagaan merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara apabila Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf peranan dan kedudukan institusi beraja

- i. Pada pendapat anda, mengapakah sistem Raja Berperlembagaan perlu dipertahankan?

[5 markah]

- ii. Bagaimanakah kesetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai tonggak pemerintahan dapat dizahirkan? **KBAT**

[5 markah]

### 3.4 Yang di-Pertuan Agong dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan



‘Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam perlembagaan tidak bersifat mutlak, tetapi tertakluk pada sekatan yang ditentukan oleh undang-undang yang digubal oleh Parlimen Malaysia.’

2 Kebebasan asasi merupakan hak yang dimiliki oleh setiap individu di sisi undang-undang.

MUKA SURAT  
51

Perlembagaan Negara menggariskan peruntukan berkaitan dengan kebebasan asasi.

(a) Jelaskan kebebasan hak asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan

[4 markah]

(b) Dalam mengekalkan amalan demokrasi di Malaysia, bagaimanakah pemerintah dapat menjaga kebebasan hak asasi rakyat seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan

[8 markah]

(c) Kebebasan bersuara merupakan sebahagian daripada hak asasi rakyat yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagaimanakah kebebasan bersuara dapat dilaksanakan menurut lunas Perlembagaan Persekutuan? *KBAT*

[8 markah]

### 3.2 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja



Majlis Raja-Raja yang bermula dengan pembentukan Durbar merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita

(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

- 3 Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, peranan Majlis Raja-Raja dikekalkan cuma keanggotaannya telah mengalami perubahan

MUKA SURAT  
44 - 49

- (a) Apakah perubahan keanggotaan Majlis Raja- Raja Melayu ?

[4 markah]

- (b) Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-Raja mempunyai kuasa dan fungsi dalam sistem Raja Berperlembagaan.  
Jelaskan fungsi tersebut.

[8 markah]

- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan sekiranya rakyat tidak menghormati institusi beraja? **KBAT**

[8 markah]





**BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN**  
**BAHAGIAN A (STRUKTUR)**

**4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita**

MUKA SURAT  
66 - 67

1 Pembentukan sistem persekutuan di negara kita berkait rapat dengan peluasan pengaruh British dalam pentadbiran Melayu dengan penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu melalui Perjanjian Persekutuan 1895 dan Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.

(a) Senaraikan dua orang Raja Melayu yang menandatangani Perjanjian Persekutuan 1895.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri-ciri Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]

(c) Kesatuan Malaya (Malayan Union) 1946 telah mendapat bantahan yang hebat daripada Raja-raja Melayu dan orang Melayu sehingga British terpaksa menukarkannya dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Cadangkan usaha menghargai perjuangan Raja-raja Melayu dan orang Melayu? **KBAT**

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[4 markah]





### 4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

2. Rajah berikut menunjukkan tiga peringkat pentadbiran dalam sistem Persekutuan di negara kita.

MUKA SURAT  
68 - 71



(a) Senaraikan tiga bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

- i. \_\_\_\_\_
- ii. \_\_\_\_\_
- iii. \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Kerajaan Tempatan merupakan kerajaan yang paling rapat dengan rakyat. Jelaskan.

---

---

---

[3 markah]

(c) Sistem persekutuan telah mewujudkan pentadbiran yang sistematik di negara kita.

Beri hujah anda. *KBAT*

---

---

---

---

---

[4 markah]



### 4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

3. Gambar di bawah menunjukkan rancangan pembangunan koridor wilayah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

MUKA SURAT  
73



- (a) Apakah matlamat pembangunan koridor wilayah di atas?

---

---

---

[2 markah]

- (b) Nyatakan kepentingan pembangunan koridor wilayah kepada rakyat dan negara.

---

---

---

---

---

[4 markah]

- (c) Andaikan anda pemimpin pada masa hadapan, bagaimanakah untuk meningkatkan pembangunan koridor wilayah pada masa hadapan? **KBAT**

---

---

---

---

---

[4 markah]



## BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN B (ESEI)

#### 4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

MUKA SURAT  
68 - 70

1 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang dirujuk sebagai Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri serta Senarai Bersama yang mana kedua-dua kerajaan mempunyai kuasa terhadapnya.

- (a) Mengapakah wujud pembahagian kuasa tersebut? [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan dua bidang kuasa dalam Senarai Persekutuan.

Senarai Persekutuan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pertahanan</li><li>• Keselamatan Dalam Negeri</li></ul>

Mengapakah bidang kuasa di atas diletakkan di bawah Senarai Persekutuan?

[8 markah]


- (c) Beri mesej anda kepada rakyat dan pemimpin di negara ini supaya sentiasa menjaga kestabilan politik? *KBAT* [8 markah]

## BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN BAHAGIAN B (ESEI)

### 4.3 Kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

2. Rajah menunjukkan ikatan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

MUKA SURAT  
72 - 79



(a) Jelaskan aspek kerjasama berikut :

- (i) Kerjasama Pembangunan Sosioekonomi [4 markah]  
(ii) Kerjasama Pemuliharaan Khazanah Negara [4 markah]

(b) Kerjasama yang erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri perlu diperkukuhkan. Terangkan.

[6 markah]

(c) Petikan akhbar berikut berkaitan dengan situasi terkini di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM).

TAWAU: Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) mengemukakan cadangan kepada kerajaan, untuk menambah satu batalion Pasukan Gerakan Am (PGA) di Lahad Datu, selain satu trup komando VAT69 dan Unit Tindakan Khas bagi Sandakan serta Semporna.  
Komander ESSCOM, Datuk Ahmad Fuad Othman, berkata cadangan itu bertujuan memastikan tahap keselamatan di kawasan daratan serta perairan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE), sentiasa pada tahap tertinggi, seterusnya mengelakkan ia daripada dicerobohi penjenayah rentas sempadan.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/817962/esscom-mahu-tambah-kekuatan-di-esszone-untuk-cegah-jenayah-rentas>. Dicapai pada 11 Ogos 2021

Pada pandangan anda, wajarkah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri meminta bantuan negara luar bagi menyelesaikan isu keselamatan di Sabah?

Berikan hujah anda. **KBAT**

[6 markah]


## BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN

### BAHAGIAN B (ESEI)

#### 4.4 Faktor yang Mengukuhkan Sistem Persekutuan

3. Rajah berikut berkenaan faktor yang mengukuhkan sistem Persekutuan di negara kita.

MUKA SURAT  
80 - 81



(a) Bagaimanakah keluhuran Perlembagaan mampu mengukuhkan sistem Persekutuan di negara ini ?

[6 markah]

(b) Terangkan tujuan penubuhan majlis khas berikut dalam usaha mengukuhkan sistem Persekutuan.

(i) Majlis Kewangan Negara

[3 markah]

(ii) Majlis Keselamatan Negara

[3 markah]

(c) Pengukuhan sistem Persekutuan adalah tanggungjawab bersama antara rakyat dan pemimpin.

Sekiranya anda menjadi pemimpin pada masa hadapan, huraikan tindakan anda untuk mengajak rakyat supaya membantu mengukuhkan negara. **KBAT**

[8 markah]



## BAB 5: PEMBENTUKAN MALAYSIA BAHAGIAB A (STRUKTUR)

- 5.1 **Konsep Gagasan Malaysia & Perkembangan Idea**  
5.2 **Usaha Pembentukan Malaysia**

- 1 Maklumat berikut merupakan petikan ucapan Tunku Abdul Rahman di Hotel Adelphi Singapura pada 27 Mei 1961.

MUKA SURAT  
90 - 93

“Malaya (Persekutuan Tanah Melayu ) hari ini sebagai sebuah negara yang menyedari bahawa ia tidak boleh berdiri secara berasingan, lebih awal atau lebih lama Malaya sepatutnya mempunyai pemahaman dengan Britain dan orang-orang Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak. Sudah tiba masanya bagi saya mengatakan sekarang bagaimana pemahaman yang lebih dekat ini dapat dibawa, tetapi tidak dapat dielakkan...”

*Sumber : Utusan Borneo.com*

- a) Nyatakan 2 buah negeri yang dicadang untuk digabungkan dalam Persekutuan Malaysia 1963?

---

---

---

[2 markah]

- b) Jelaskan rasional cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia?

---

---

---

---

---

[4 markah]

- c) Gambar berikut merupakan sebahagian daripada rencana dalam ruangan Kolumnis Berita Harian yang disiarkan sempena Hari Malaysia.



Bagaimanakah pembentukan Persekutuan Malaysia membawa manfaat kepada semua negeri yang terlibat sehingga hari ini? *KBAT*

---

---

---

---

---


[4 markah]



## 5.4 Langkah Pembentukan Malaysia

2 Garis masa berikut menunjukkan langkah ke arah pembentukan Malaysia.

MUKA SURAT  
98 - 102



a) Apakah X dan Y?

X : \_\_\_\_\_

Y : \_\_\_\_\_

[2 markah]

b) Jelaskan peranan X dan Y dalam proses pembentukan Malaysia

(i) Peranan X

